

CNS3416

U GB 04-07 00165 BA830

bah

RAMAI PENIAGA SALAHGUNA NAMA PERDANA MENTERI

Mahathir - Nama

KUALA LUMPUR, 4 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata terdapat ramai peniaga yang mendakwa mereka boleh mempengaruhi beliau dan keputusan-keputusan kerajaan dengan cara menggunakan namanya.

Perdana Menteri berkata, golongan ini mendakwa mereka telah mendapat restu atau telah berjumpa dengannya dan ada pengaruh terhadapnya serta kerajaan dalam meluluskan sesuatu projek.

+Mereka minta komisen dan ada yang kata komisen itu untuk saya,+ katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Beliau berkata ada pedagang asing yang percaya dengan dakwaan-dakwaan tersebut berdasarkan kepada pengalaman mereka di negara-negara tertentu dan percaya keadaan di Malaysia pun begitu juga.

+Ada orang tulis surat pada syarikat asing...kalau hendak sesuatu maka boleh berhubung dengan mereka kononnya mereka boleh tentukan sesuatu itu boleh diluluskan kerana ada pengaruh terhadap saya dan kerajaan dengan syarat mereka diberi komisen,+ katanya. -- Lagi

▼04/07/15-39MST

CNS3419

U GB 04-07 00135 BA831

bah

Mahathir - Nama 2 Kuala Lumpur

+Mereka mendakwa begitu berpengaruh ke atas saya hinggakan kalau (mereka) telefon, saya tinggalkan semua kerja dan dengar telefon.

+Saya ingin menjelaskan bahawa tidak ada siapapun diberi kuasa untuk menggunakan nama saya dan tiada siapapun telah diberi hak keistimewaan untuk bercakap bagi pihak saya,+ kata Dr Mahathir.

Katanya walaupun beliau banyak berjumpa dengan peniaga dan pengusaha di negara ini tetapi pertemuan itu adalah dalam usaha hendak menjayakan rancangan-rancangan swasta yang kadang-kadang terganggu atas sebab-sebab peraturan dan pentadbiran setelah mereka membuat rayuan.

Beliau mengakui ada campur tangan apabila mereka membuat rayuan kerana rancangan-rancangan itu penting untuk pembangunan negara.

+Saya terpaksa campur tangan untuk selesaikan masalah tersebut dan ini tidak bermakna mereka ada pengaruh terhadap saya,+ katanya. -- Lagi

▼04/07/15-44MST

CNS3428

U GB 04-07 00149 BA832

bah

Mahathir - Nama 3 Kuala Lumpur

Dr Mahathir, yang juga Presiden Umno, berkata beliau telah memaklumkan perkara itu kepada Majlis Tertinggi pada mesyuaratnya hari ini.

Katanya semua projek dikaji dengan saluran-saluran yang ditentukan dan walaupun ada rayuan, rujukan itu datang dari pegawai-pegawainya.

+Orang kata mereka baru jumpa Perdana Menteri dan projek baru diluluskan...betullah mereka baru jumpa saya kerana kerja saya jumpa orang tapi ini tidak bermakna saya jadi tukang lulus.

+Mereka tuduh saya ada kepentingan dan di sini saya ingin jelaskan bahawa saya tidak ada kepentingan. Saya ada cukup (gaji) untuk diri saya... kerajaan baru naikkan gaji saya...apa nak buat dengan duit banyak-banyak,+ katanya.

Dr Mahathir berkata tindakan telah diambil berhubung satu kes yang menggunakan tanda tangannya.

Beliau meminta orang ramai menghubungi setiausaha sulitnya sekiranya berhadapan dengan keadaan tersebut supaya tindakan boleh diambil. -- Lagi

▼04/07/15-58MST

CNS3429

U GB 04-07 00146 BA833

bah

Mahathir - Nama 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Dr Mahathir juga berkata mesyuarat hari ini dimaklumkan mengenai isi kandungan Perisytiharan Raja-raja yang akan ditandatangani oleh raja-raja di Istana Negara di sini petang ini.

+Isi kandungan itu akan diumumkan selepas ianya diperkenankan oleh raja-raja,+ katanya.

Selain itu, mesyuarat juga memutuskan untuk mengadakan perhimpunan raksasa pemuda Barisan Nasional seluruh negara di Kota Kinabalu tidak lama lagi.

Tarikhnya belum diputuskan tetapi ianya akan diadakan sempena hari penubuhan Malaysia pada 16 Sept, kata Dr Mahathir, sambil menyebut beliau akan menghadiri perhimpunan itu.

Mengenai khabar-khabar angin bahawa kabinet akan dirombak tidak lama lagi, beliau berkata: +Tak apalah dia boleh cakap...Kalau saya nafi pun dia nak kata, dia kata juga.+

Menjawab soalan lain, Dr Mahathir berkata kes pembelian kereta Lamborgini oleh Sultan Kelantan telah diselesaikan mengikut peraturan. -- Bernama

▼04/07/15-58MST